

30 AUG 2001

Merdeka-Perutusan

NEGARA HARUS KEKAL PERPADUAN, KATA DAP

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- DAP menggesa semua rakyat Malaysia supaya menaruh impian untuk mewujudkan sebuah negara yang aman, bersatu dan makmur yang menjamin prinsip hormat-menghormati, keadilan dan kesamarataan bagi semua.

Dalam perutusan sempena Hari Kebangsaan, DAP menyatakan walaupun 44 tahun adalah tempoh yang singkat dalam sejarah sebuah negara, rakyat Malaysia boleh berbangga kerana dapat mengatasi pelbagai cabaran politik, ekonomi dan sosial.

"Rakyat Malaysia harus menerima hakikat dan menghargai bahawa Malaysia adalah sebuah negara demokrasi berparlimen dan kita mempunyai tanggungjawab bersama bagi menjamin keadilan bagi semua," kata setiausaha agung partui Kerk Kim Hock dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Parti Keadilan Nasional berkata tumpuan harus diutamakan kepada langkah memulihkan ekonomi rakyat terbanyak dan bukan sahaja syarikat dan korporat.

"Kemerdekaan akan kurang bererti jika masih ramai rakyat yang terhimpit dan tertekan sara hidup mereka," kata presiden parti itu Dr Wan Azizah Wan Ismail.

"Semoga Tuhan mencurahkan keberkatan ke atas tanah air tercinta ini dan memberi kekuatan kepada kita semua untuk menjadi rakyat berdaulat di bumi merdeka ini," katanya.

Majlis Belia Malaysia pula dalam perutusan Hari Kemerdekaan berkata rakyat perlu ada jiwa merdeka dan kemerdekaan adalah perjuangan yang berterusan.

"Kemerdekaan bukanlah hanya bebas daripada penjajahan politik dan kuasa tetapi termasuk kemerdekaan ekonomi, minda, pemikiran dan budaya," kata presidennya Saifuddin Abdullah.

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) pula meminta rakyat menginsafi perjuangan generasi lampau.

"Negara perlu dibebaskan dari sebarang bentuk penindasan sama ada penjajahan luar atau penindasan dalaman," kata presidennya Ahmad Azam Abdul Rahman.

Putin dalam perutusannya kepada Yang di-Pertuan Agong berkata beliau yakin bahawa persefahaman dan kerjasama persahabatan antara Rusia dan Malaysia dapat dipertingkatkan lagi demi faedah rakyat kedua-dua negara dan untuk kepentingan keselamatan dan kestabilan di rantau ini dan dunia.

Dalam perutusan kepada Dr Mahathir pula, Putin percaya bahawa terdapat prospek bagi kerjasama Rusia-Malaysia dalam bidang perdagangan dan ekonomi, teknologi, teknikal tentera dan kemanusiaan.

"Saya menganggapnya perlu dan berfaedah bagi wakil agensi-agensi dan firma Rusia untuk terus mengikat kontrak dengan rakan mereka dari Malaysia," kata beliau.

Presiden Putin berkata beliau yakin bahawa lawatan Dr Mahathir ke Rusia bulan depan akan menyuntik semangat dan pendorong baru dalam hubungan Rusia-Malaysia pada keseluruhan.

Pemimpin dunia lain yang menghantar perutusan tahniah kepada Sultan Salahuddin ialah Presiden China Jiang Zemin, Presiden Korea Selatan Kim Dae Jung, Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Brunei) dan Presiden S. R. Nathan (Singapura).

Zemin dalam perutusannya berkata hubungan tradisional dan kerjasama persahabatan antara kedua-dua negara telah mencapai tahap pembangunan yang memuaskan sejak beberapa tahun kebelakangan.

"Menjelang abad, Kenyataan Bersama mengenai Rangka kerjasama Dua Hala Masa Depan telah ditandatangani antara kedua-dua negara, dan meletakkan rancangan asas dan garis panduan bagi pembangunan hubungan dua hala pada abad baru," kata beliau.

Dae Jung pula berpuas hati dengan hubungan antara Korea dan Malaysia sambil memberi jaminan bahawa beliau akan berusaha untuk memperkukuhkan lagi hubungan persahabatan dan kerjasama pada masa depan.

Sultan Hassanah Bolkiah pula bertitah bahawa persahabatan yang erat lagi mesra yang tersedia terjalin di antara Brunei dan Malaysia telah banyak mendatangkan kemanfaatan kepada kedua-dua negara.

Baginda berdoa semoga perhubungan yang sedia wujud akan sentiasa dipelihara dan ditingkatkan lagi di masa yang akan datang.

Menurut Wisma Putra, Sultan Salahuddin juga menerima perutusan tahniah dari Bangladesh, Kemboja, Mexico, Pakistan, Maldives, Cuba, Chile, Azerbaijan, Bosnia and Herzegovina, Turkmenistan, Kuwait, Habsyah dan Afrika Selatan.

Pemimpin dunia lain yang menghantar perutusan kepada Dr Mahathir ialah Presiden Cuba Fidel Castro Ruz, yang dalam perutusannya berharap semoga Malaysia menikmati kemakmuran dan ucapan secara peribadi kepada Dr Mahathir.

Perdana Menteri China, Zhu Rongji dalam perutusan kepada Dr Mahathir berkata oleh kerana China dan Malaysia adalah negarta membangun di Asia, usaha memperkukuh dan menjalin hubungan persahabatan dan kerjasama dengan Malaysia adalah menjadi polisi kerajaan China.

"Atas dasdar persamaan dan kepentingan bersama, China sedia bekerjasama dengan Malaysia untuk memanfaatkan hubungan dua hala dengan memperkembangkan kerjasama ekonomi dan perdagangan, dan memupuk hubungan persahabatan antara China dan Malaysia bagi mencapai pembangunan pada abad baru," kata beliau.

Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee berkata hubungan mesra dan rapat antara India dan Malaysia telah menunjukkan peningkatan baru-baru ini.

"Malaysia sekarang ialah rakan dagangan kita yang terbesar di Asean dan juga menyelaraskan interaksi India dengan Asean. Saya yakin bahawa kerjasama kita di rantau ini dan isu-isu antarabangsa akan dapat diperkukuhkan lagi," kata beliau.

Pengerusi Majlis Menteri Bosnia and Herzegovina Dr Zlatko Lagumdžija melahirkan harapan bahawa hubungan persahabatan antara kedua-dua negara akan berkembang pada masa depan.

Dr Mahathir juga menerima perutusan tahniah daripada Mexico, Mozambique, Pakistan, Turkmenistan, Azerbaijan, Republik Kyrgyz, Kuwait, Greece, Maldives dan Bangladesh, menurut kenyataan itu.

Sementara itu, Menteri Luar Chile Maria Soledad Alvear V. dalam perutusan kepada Syed Hamid berharap semoga Malaysia menikmati kemakmuran dan memperkukuhkan kerjasama dan hubungan antara kedua-dua negara.

Menteri Luar China Tang Jiaxuan berkata pertukaran dan kerjasama dalam bidang politik, ekonomi, perdagangan dan budaya antara China dan Malaysia telah mencapai tahap yang membanggakan.

"Kedua-dua negara menjalin kerjasama dalam hal ehwal antarabangsa dan serantau, dan dengan itu memberi sumbangan positif bagi mempertahankan hak dan kepentingan negara membangun dan memupuk keamanan dan kestabilan serantau," kata Jiaxuan.

-- BERNAMA

HS HS FAZ